



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

CRADLE LIVE! SUMMIT 2026 KEMBALI, PENDAFTARAN DIBUKA

*SIDANG KEMUNCAK UTAMA EKOSISTEM SYARIKAT PEMULA MALAYSIA
KEMBALI PADA 4 DAN 5 NOVEMBER 2026, SELEPAS MENGHIMPUNKAN LEBIH
2,300 PESERTA PADA EDISI LALU.*

MELAKA, 3 OGOS 2026 – Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), agensi fokal bagi pembangunan ekosistem syarikat pemula Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), hari ini mengumumkan bahawa pendaftaran bagi *Cradle LIVE! Summit 2026* kini dibuka. Sidang kemuncak yang akan berlangsung di *The Arch Galleries*, Kuala Lumpur bakal mempertemukan pengasas syarikat pemula, pelabur, syarikat korporat serta pemain ekosistem dari Malaysia dan rantau ASEAN bagi memacu kerjasama strategik, merangsang pelaburan dan mempercepat pengkomersialan inovasi.

Bertemakan *Build in Malaysia, For ASEAN & Beyond*, *Cradle LIVE! Summit 2026* menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi hab syarikat pemula serantau dan muncul sebagai antara ekosistem syarikat pemula terkemuka dunia menjelang 2030. **YBrs. Puan Norsham binti Abdul Latip, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** berkata, “Pembangunan ekosistem syarikat pemula yang kukuh merupakan antara pemacu penting kepada ekonomi berasaskan inovasi negara. *Cradle LIVE! Summit 2026* mencerminkan komitmen MOSTI dalam menjalin kerjasama yang lebih erat antara kerajaan, industri, pelabur dan institusi penyelidikan bagi menggalakkan pengkomersialan teknologi, memperluas peluang syarikat pemula tempatan menembusi pasaran ASEAN serta global.”

Norman Matthieu Vanhaecke, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle berkata, “Setiap syarikat pemula bermula dengan satu idea yang hebat. Namun, kejayaan sesebuah syarikat pemula bergantung kepada akses kepada rangkaian, modal dan pasaran. Itulah yang ingin disediakan melalui *Cradle LIVE! Summit 2026*. Berteraskan tema *Build in Malaysia, For ASEAN & Beyond*, kami membina jaringan antara syarikat pemula Malaysia, pelabur, rakan strategik dan pemain utama ekosistem bagi mewujudkan peluang kerjasama serta membuka akses kepada pasaran.”

Sepanjang dua (2) hari penganjurannya, *Cradle LIVE! Summit 2026* akan mengetengahkan dua (2) tema utama iaitu *The Springboard to ASEAN*, yang memfokuskan kepada peluang pertumbuhan serantau, *trend* pelaburan dan strategi peluasan pasaran, serta *The BIG Innovation Impact*, yang memberi penekanan kepada inovasi korporat, pembiayaan serta kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta.

Sidang kemuncak ini akan menampilkan lebih daripada 20 sesi persidangan yang membincangkan inovasi, pelaburan dan pertumbuhan syarikat pemula, antaranya:

- *Malaysia’s Innovation Agenda: Empowering Ecosystem to Drive National and Regional Impact*
- *9 Unicorns In, One Lesson Nobody Talks About*
- *Corporate Innovation Showcase: What Malaysia’s Corporates Are Building*
- *Crossing Borders: Building a B2B Business Across ASEAN*

Pendaftaran *Cradle LIVE! Summit 2026* kini dibuka. Pengasas syarikat pemula, pelabur, syarikat korporat serta pemain ekosistem dijemput mendaftar di live.cradle.com.my

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

3 OGOS 2026

Untuk makluman lanjut, sila hubungi:

Elmy Fairuz Azmi

Komunikasi

Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle)

elmy@cradle.com.my

+6012-2713457

[Kit Media](#)



PRESS RELEASE

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

CRADLE LIVE! SUMMIT 2026 RETURNS, REGISTRATION NOW OPEN

MALAYSIA'S FLAGSHIP STARTUP ECOSYSTEM SUMMIT RETURNS ON 4 AND 5 NOVEMBER 2026 FOLLOWING THE SUCCESSFUL PREVIOUS EDITION THAT BROUGHT TOGETHER MORE THAN 2,300 PARTICIPANTS.

MELAKA, 3 AUGUST 2026 – Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), the focal point agency for Malaysia's startup ecosystem development under the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), today announced that registration for Cradle LIVE! Summit 2026 is now open. Taking place at The Arch Galleries, Kuala Lumpur, the Summit will bring together startup founders, investors, corporates and ecosystem players from Malaysia and across ASEAN to foster strategic collaborations, stimulate investment and accelerate the commercialisation of innovation.

Carrying the theme "Build in Malaysia, For ASEAN & Beyond," Cradle LIVE! Summit 2026 supports Malaysia's aspiration to become a leading regional startup hub and one of the world's top startup ecosystems by 2030. **YBrs. Puan Norsham binti Abdul Latip, Deputy Secretary General (Technology Development), Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)**, said "A strong startup ecosystem is one of the key drivers of Malaysia's innovation-led economy. Cradle LIVE! Summit 2026 reflects MOSTI's commitment to strengthening collaboration between the government, industry, investors and research institutions for Malaysia startups to expands into ASEAN and global markets."

Norman Matthieu Vanhaecke, Group Chief Executive Officer of Cradle, said “Every startup begins with a great idea. But success depends on access to networks, capital and markets. That is exactly what we aim to provide through Cradle LIVE! Summit 2026. Guided by our theme, Build in Malaysia, For ASEAN & Beyond, we are connecting Malaysian startups with investors, strategic partners and key ecosystem players to unlock new collaboration opportunities and expand market access.”

Over the course of two (2) days, Cradle LIVE! Summit 2026 will feature two (2) key thematic tracks: The Springboard to ASEAN, focusing on regional growth opportunities, investment trends and market expansion strategies; and The BIG innovation Impact, highlighting corporate innovation, funding opportunities and strategic collaboration between the public and private sectors.

The Summit will feature more than 20 conference sessions covering startup innovation, investment and growth including:

- Malaysia’s Innovation Agenda: Empowering Ecosystem to Drive National and Regional Impact
- 9 Unicorns In, One Lesson Nobody Talks About
- Corporate Innovation Showcase: What Malaysia’s Corporates Are Building
- Crossing Borders: Building a B2B Business Across ASEAN

Registration for Cradle LIVE! Summit 2026 is now open. Startup founders, investors, corporates and ecosystem players are invited to register at live.cradle.com.my.

#END#

Issued by:

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

3 AUGUST 2026



For media enquires, please contact:

Elmy Fairuz Azmi

Communications

Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle)

elmy@cradle.com.my

+6012-271 3457

[Media Kit](#)

